

? SOALAN LAZIM (FAQ) PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM LANJUTAN (SPIL)

Oleh Open University Malaysia (OUM) & Pertubuhan IKRAM Malaysia

A. Mengenai Program dan Kelayakan

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah itu Sijil Pengajian Islam Lanjutan (SPIL) dan apakah tujuan utamanya?	SPIL adalah program persijilan yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, OUM, dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia. Tujuannya adalah untuk melahirkan peserta yang memiliki kefahaman Islam yang komprehensif, seimbang antara teori dan praktikal, serta mampu mengaplikasikan nilai dan prinsip Islam.
2.	Apakah kelebihan utama program ini?	Program ini menekankan kefahaman Islam yang mendalam, khususnya dalam akidah, usul fiqh, dan qawaid fiqh, bagi membentuk individu yang berilmu, berakhlak mulia, dan berupaya menyumbang kepada pembangunan masyarakat.
3.	Adakah program ini mendapat pengiktirafan daripada agensi tertentu (cth: MQA)?	Ya. Program ini ditawarkan oleh Open University Malaysia (OUM) yang merupakan institusi yang mematuhi (MQA compliance) piawaian kualiti akademik.
4.	Siapakah yang mengendalikan program ini?	Program ini dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dari OUM dan pakar-pakar (<i>asatizah</i>) dari pihak IKRAM, termasuk penulis modul yang merupakan ahli akademik terkenal.
5.	Apakah syarat, had umur, atau had bilangan pelajar untuk menyertai program ini?	Tiada syarat kemasukan akademik, had umur, atau had bilangan pelajar ditetapkan. Program ini bersifat fleksibel dan terbuka untuk peserta daripada pelbagai latar belakang (termasuk bukan Muslim).
6.	Adakah program ini sesuai untuk pelajar dari latar belakang bukan Pengajian Islam?	Ya, sangat sesuai. Program ini bersifat <i>madkhal</i> (pintu masuk). Pelajar-pelajar digalakkan memulakan dengan modul " Asas-asas Ilmu Islam " terlebih dahulu.

B. Struktur dan Modul Pengajian

No.	Soalan	Jawapan
7.	Apakah Modul-Modul Pengajian yang ditawarkan?	Terdapat lapan (8) sijil teras Pengajian Islam: Asas-asas Ilmu Islam, Pengantar Akidah, Pengantar Ulum al-Quran, Pengantar Ulum al-Hadis, Pengantar Fiqh Ibadah, Pengantar Usul al-Fiqh, Kaedah Fiqh, dan Fiqh Kehidupan.
8.	Apakah skop subjek 'Fiqh Kehidupan'?	Fiqh Kehidupan merangkumi fiqh pemakanan, fiqh penampilan, fiqh perkahwinan, pembubaran perkahwinan, muamalat, fiqh kontrak, fiqh kehakiman, fiqh jinayat, fiqh siasah syariah, dan hubungan antarabangsa.
9.	Berapakah tempoh pengajian bagi setiap modul?	Tempoh pengajian adalah tiga (3) bulan bagi setiap satu modul.
10.	Adakah modul-modul ini perlu diambil mengikut turutan tertentu?	Peserta bebas memilih untuk mengambil mana-mana kursus/modul. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan untuk memulakan dengan modul " Asas-asas Ilmu Islam " dahulu.
11.	Bolehkah saya mengambil banyak modul serentak?	Ya, peserta boleh mengambil gabungan beberapa modul atau keseluruhan lapan modul dalam satu masa, tertakluk kepada kemampuan masing-masing.
12.	Adakah modul-modul ini turut merangkumi program peringkat Diploma?	Kerjasama IKRAM-OUM buat masa ini hanya melibatkan modul untuk program Sijil (Micro-Credential) sahaja. Sijil ini boleh dijadikan pengecualian kredit bagi peringkat Diploma,

C. Yuran dan Pendaftaran

No.	Soalan	Jawapan
13.	Berapakah yuran pengajian dan jumlah kos keseluruhan program?	Yuran adalah RM550 per modul . Jumlah kos keseluruhan untuk menamatkan kesemua 8 modul adalah RM4,400 .
14.	Adakah yuran RM550 itu termasuk bayaran peperiksaan?	Ya. Yuran RM550 itu sudah termasuk bayaran peperiksaan (<i>exam fee</i>).
15.	Bilakah tarikh ambilan (intake) dibuka?	Ambilan dibuka pada bulan Januari, Mei, dan September . Untuk pengambilan kumpulan pertama, permohonan pendaftaran akan dibuka mulai 1 hingga 15 Januari 2026 , di pautan di <i>cellplus.oum.edu.my</i> .
16.	Bolehkah yuran dibayar secara ansuran?	Tidak. Yuran perlu dibayar sekaligus (in full) bagi setiap modul yang diambil. Akses kepada platform pembelajaran hanya diberikan selepas bayaran penuh dibuat.
17.	Bagaimana cara untuk mendaftar kursus?	Pendaftaran adalah secara dalam talian (online) melalui platform CEL Plus <i>cellplus.oum.edu.my</i> .
18.	Adakah terdapat skim penajaan atau bantuan kewangan?	Tiada penajaan secara automatik. Peserta boleh memohon dan berbincang untuk mendapatkan bantuan pembiayaan daripada pihak IKRAM negeri, IKRAM kawasan, atau yayasan-yayasan yang berkaitan.
19.	Bolehkah saya mendapatkan pengecualian cukai (tax exemption) atas yuran yang dibayar?	Ya. Yuran pengajian yang dibayar layak untuk pengecualian cukai daripada kerajaan, tertakluk kepada peraturan semasa.
20.	Adakah saya mendapat ganjaran jika memperkenalkan program ini kepada orang lain?	Tiada sebarang ganjaran atau <i>token</i> yang diberikan oleh pihak OUM atau IKRAM untuk rujukan (<i>referral</i>).

D. Kaedah dan Akses Pembelajaran

No.	Soalan	Jawapan
21.	Apakah mod pembelajaran yang digunakan?	Mod pembelajaran adalah Dalam Talian (Online) dengan kaedah <i>Blended Learning</i> (gabungan). Tumpuan utama adalah pembelajaran sendiri melalui modul, disokong oleh sesi tutorial/bimbingan.
22.	Apakah bahasa yang digunakan dalam modul?	Bahan modul disediakan dalam Bahasa Melayu (tulisan Rumi).
23.	Adakah modul mudah diakses dan dibaca?	Ya. Modul ditulis dengan konsep <i>easy reading</i> (santai tetapi formal) dan bukan seperti buku akademik, menjadikannya mudah difahami walaupun tanpa latar belakang bahasa Arab.
24.	Bilakah sesi tutorial (<i>Google Meet</i>) diadakan?	Sesi Google Meet biasanya diadakan pada waktu malam dan hujung minggu (weekend) , dan boleh juga dibuat pada hari cuti umum. Terdapat lima (5) sesi perjumpaan bagi setiap modul.
25.	Bagaimana jika kelas terlepas disebabkan komitmen atau perbezaan masa?	Tiada pengulangan kelas , tetapi OUM menyediakan rakaman penuh setiap sesi Google Meet. Peserta boleh menonton rakaman tersebut berulang kali (<i>murajaah</i>).
26.	Bolehkah bahan modul dan rakaman dimuat turun (<i>download</i>)? Adakah modul fizikal dijual?	Modul dalam bentuk PDF boleh dimuat turun untuk simpanan peribadi dan dicetak (<i>print</i>). Rakaman boleh diakses secara <i>online</i> . Modul fizikal tidak disediakan .

E. Penilaian dan Persijilan

No.	Soalan	Jawapan
27.	Apakah jenis penilaian yang dijalankan? Adakah perlu membuat <i>assignment</i> atau kertas kerja?	Penilaian hanya melibatkan Peperiksaan Akhir dalam bentuk MCQ (Multiple Choice Question) . Program ini TIDAK memerlukan sebarang <i>assignment, research</i> , atau kertas kerja.
28.	Adakah tarikh peperiksaan ditetapkan atau boleh diambil bila sudah selesai modul?	Tarikh peperiksaan MCQ adalah telah ditetapkan mengikut jadual kohort/kelompok kemasukan (Contoh: peperiksaan pada hujung April untuk kohort Januari).
29.	Jika tidak lulus MCQ kali pertama, bolehkah saya mengulanginya (<i>repeat</i>)?	Ya, boleh <i>repeat</i> jika gagal. Walau bagaimanapun, peperiksaan direka untuk mudah lulus dan insya-Allah peserta dijangka akan lulus jika mereka tekun mengikuti kelas dan menduduki peperiksaan.
30.	Apakah jenis sijil yang akan diperolehi?	Peserta akan menerima Sijil Digital . Anda akan mendapat Sijil Modul bagi setiap kursus yang diluluskan. Sijil SPIL (Sijil Pengajian Islam Lanjutan) utama hanya akan dianugerahkan setelah peserta melengkapkan dan lulus kesemua lapan (8) modul .
31.	Adakah akan diadakan Majlis Konvokesyen setelah menamatkan pengajian SPIL?	Penganjuran majlis konvokesyen (perbarisan) belum difikirkan lagi, tetapi ia boleh dipertimbangkan pada masa hadapan.

F. Laluan Lanjutan dan Lain-Lain

No.	Soalan	Jawapan
32.	Adakah SPIL boleh digunakan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di OUM?	Ya, SPIL berfungsi sebagai laluan (<i>pathway</i>) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda (<i>Bachelor</i>), Diploma Lulusan Ijazah (PJD), atau Ijazah Sarjana (<i>Master</i>) dalam bidang Pengajian Islam di OUM, terutamanya melalui sistem APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning) .
33.	Adakah tempoh pengajian Diploma akan	Ya, tempoh pengajian akan menjadi pendek kerana setiap modul SPIL bernilai 3 kredit (jumlah 24 kredit

No.	Soalan	Jawapan
	menjadi pendek jika menggunakan <i>transfer credit</i> daripada SPIL?	untuk 8 modul). Walau bagaimanapun, jumlah pemindahan kredit muktamad bergantung kepada kesesuaian subjek yang diambil.
34.	Bolehkah sijil SPIL digunakan untuk memohon tauliah mengajar?	Tauliah mengajar tidak bergantung kepada sijil, tetapi bergantung kepada permohonan serta proses temuduga yang dijalankan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan.
35.	Siapakah yang boleh dihubungi untuk maklumat lanjut?	Boleh hubungi pihak OUM atau terus kepada Penyelaras Program: * **Penyelaras Program (En Nur Bakri):** nurbakri@oum.edu.my * **Talian Am OUM:** 03-7801-2000 * **Whatsapp:** 012-303-9935 / 019-357-9074